

**MAKNA SIRATAN BAHASA FIGURATIF DALAM CERPEN  
MELAYU KARYA LIM SWEE TIN**  
(IMPLICIT CONNOTATION OF FIGURATIVE LANGUAGE  
IN LIM SWEE TIN MALAY SHORT STORY)

SITI NORASHIKIN MOHD KHALIDI\*, NOR AZUWAN YAAKOB DAN ZAITUL AZMA  
ZAINON HAMZAH

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.*

*\*Corresponding author: sitinorashikin\_khalidi@yahoo.com*

**Abstrak:** Bahasa figuratif merupakan bahasa yang mengandungi makna siratan, iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara tidak langsung. Justeru, makna siratan bererti makna yang terselindung, yang tersembunyi atau yang berada di sebaliknya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Tiga buah cerpen Melayu yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* karya Lim Swee Tin dipilih sebagai bahan kajian ini. Elemen yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi sahaja. Personifikasi merupakan gaya bahasa figuratif yang memberikan sifat dan tindak-tanduk manusia kepada benda atau perkara yang tidak bernyawa. Penganalisan data adalah secara kualitatif. Dalam kajian mengenai bahasa figuratif, timbul persoalan hubungan antara bahasa yang digunakan dengan ketepatan perkara yang dirujuk agar makna siratannya dapat ditafsir dan difahami oleh para pembaca. Berdasarkan persoalan tersebut, maka tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif personifikasi dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) diaplikasikan dalam memantapkan lagi kajian ini. Hasil kajian terhadap ketiga-tiga buah cerpen tersebut menunjukkan bahawa terdapat 45 data personifikasi. Secara keseluruhannya, fungsi penting kajian ini telah membuktikan bahawa personifikasi merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan pengarang untuk melontarkan idea dalam penulisannya. Oleh itu, sesuatu perkara yang hendak disampaikan, difikirkan atau dirasakan oleh pengarang dapat memberikan impak yang tinggi kepada para pembaca. Penggunaan personifikasi juga menjadikan bahasa dalam cerpen lebih puitis.

Kata kunci: Bahasa figuratif, makna siratan, cerpen Melayu, personifikasi, Teori Relevans.

**Abstract:** *Figurative language is a language that has implicit connotation, which go beyond literal meanings of the words. Textual analysis of three Malay short stories entitled Tapah, Gok and Setelah Kabus Dinihari were deploy in this study using qualitative data analysis. The main focus was personification element of figurative language. Personification is an element of figurative language that assigns the qualities of a person to something that is not even alive. In figurative studies, the relationship between language and the accuracy of things that being referred were questioned. Therefore, this study aims to analyze the implicit connotation of figurative language in Lim Swee tin's Malay Short story. Relevance Theory of Sperber and Wilson (1986) were utilized in order to enhance this study. The result shows that 45 personification data were found in those short stories. This study strived that personification is a way of style and author's ability in order to convey ideas that might capture the readers. Thus, presents more poetic in short story language.*

**Keywords:** *Figurative language, implicit connotation, Malay short stories, personification, Relevance Theory*

## Pengenalan

Lim Swee Tin merupakan penerima anugerah S.E.A Write Award pada tahun 2000 dan beliau telah menghasilkan cerpen-cerpen yang membawa pelbagai tema seperti tema perpaduan kaum, kemanusiaan, kasih sayang, pergelutan hidup dan sebagainya. Tema tersebut beliau garapkan dengan bijak melalui daya kreativiti dan kelincahan beliau bermain dengan bahasa. Daya kreativiti dan kelincahan beliau dalam menghasilkan karya kreatif dan bermain dengan bahasa ini telah berjaya menghidangkan cerpen yang memberikan kepuasan estetika yang mengagumkan. Antara cerpen beliau yang telah memenangi anugerah ialah cerpen *Sesudah Senja* (1990), dan cerpen *Catatan di Tiga Perhentian* (2008) yang memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank, cerpen *Cahaya Lain di Wajah* (1990) yang memenangi Hadiah Cerpen DBP – Maybank dan cerpen ‘*dr*’ (1990) yang memenangi Hadiah Penghargaan Peraduan Formula Malaysia (Lim Swee Tin, 2011).

Akan tetapi, pada mutakhir ini didapati bahawa sastera Melayu dilihat kurang menerima sumbangan daripada penulis Cina dan India (*BH Online*, 2014). Penulis Cina dan India diperlukan dalam sastera Melayu kerana mereka juga mampu menghasilkan karya yang bermutu tinggi setanding dengan penulis nasional yang lain. Selain itu, hasil sastera Melayu seperti cerpen dan novel memerlukan sumbangan yang berterusan daripada semua bangsa, kaum dan etnik kerana sumbangan ini menjadi lambang kepada produk budaya dan jati diri negara Malaysia.

Bukan itu sahaja, bahasa yang merupakan medium utama dalam karya sastera seperti cerpen dan novel mengandungi pelbagai pemakaian gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang. Lim Swee Tin sebagai pengarang yang melahirkan karya-karya besar pastilah bukan sekadar menyampaikan cerita dalam cerpen beliau tetapi menggunakan gaya bahasa yang tersendiri yang membezakan beliau dengan pengarang yang lain untuk menyampaikan buah fikiran, mesej, ideologi dan sebagainya.

Pernyataan ini dapat disokong oleh Vijaya (2006) yang menyatakan bahawa gaya bahasa merupakan kaedah yang dapat membantu pengarang untuk menyampaikan buah fikiran bagi menonjolkan peribadinya.

Gaya bahasa juga tidak lari daripada makna siratan. Ariff Mohamad (2016) menyatakan bahawa para pengarang telah menggunakan gaya bahasa yang mengandungi makna siratan sejak sekian lama lagi. Dalam al-Quran juga terdapat gaya bahasa yang mengandungi makna siratan seperti firman Allah S.W.T dalam ayat yang berikut:

*“Tidakkah kamu memperhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimah yang baik seperti pohon yang baik, akarnya kuat dan cabangnya menjulang ke langit.”*

Surah al-Ibrahim, ayat 24

*“Dan perumpamaan kalimah yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut akar-akarnya daripada permukaan bumi; tidak dapat tetap (berdiri) sedikit pun.”*

Surah al-Ibrahim, ayat 26

Banyak lagi ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa siratan yang digunakan oleh Pencipta dalam menyampaikan pengajaran, seruan, peringatan serta pengisahan seperti kisah-kisah nabi dan para sahabat kepada manusia. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa dalam kehidupan seharian, penggunaan gaya bahasa yang mengandungi makna siratan sememangnya begitu sinonim kepada manusia. Justeru itu, kajian terhadap tiga buah cerpen Melayu karya Lim Swee Tin yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* wajar dijalankan bagi melihat Lim mengimplimentasikan kisah yang ada dalam karyanya dengan bermediumkan pemakaian gaya bahasa yang mengandungi makna siratan. Selain itu, cerpen *Tapah* dan *Gok* relevan dijadikan instrument kajian ini kerana cerpen tersebut telah memenangi Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA masing-masing pada tahun 1983 dan 1986 manakala *Cerpen Setelah Kabus Dinihari* pula telah memenangi Hadiah Cerpen

DBP – Maybank pada tahun 1991 (Lim Swee Tin, 2011).

Menurut Mary Fatimah Subet (2012) gaya bahasa tersirat menjadi pilihan penutur masyarakat kerana malu untuk meluahkan perasaan dan sering berselindung dalam percakapan mereka. Tindakan ini berlaku dikhuatiri jika mereka bercakap secara langsung akan menyinggung perasaan orang lain, tidak sopan atau tidak tahu malu. Antara jenis gaya bahasa yang mengandungi makna siratan ialah eufemisme dan retorik. Gaya bahasa figuratif juga berkomunikasi secara tersirat. Bahasa figuratif seperti simile, hiperbola, metafora, ironi dan sinisme jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice. Dalam Mary Fatimah Subet (2012) Grice (1975) menyatakan bahawa apabila berlaku pelanggaran maksim, maka maklumat yang bakal disampaikan akan gagal. Sperber dan Wilson (1986) pula menyatakan bahawa walaupun kesemua jenis bahasa figuratif telah melanggar maksim Grice, namun mesej yang hendak disampaikan secara tersirat tetap berkesan.

Kepentingan dan pemahaman tentang gaya bahasa yang mengandungi makna siratan memerlukan tafsiran yang tepat supaya tidak mendatangkan pemahaman yang salah. Kajian mengenai bahasa figuratif yang mengandungi makna siratan, bukan sahaja perlu dianalisis pada peringkat semantik dan sintaktik tetapi juga perlu melibatkan bidang pragmatik. Hal ini perlu dilakukan kerana bidang pragmatik merupakan kesinambungan terhadap kajian tentang aspek makna yang lebih luas. Oleh itu, Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 diaplikasikan dalam kajian ini agar dapat memahami makna sebenar ungkapan bahasa figuratif tersebut.

Dalam bahasa figuratif terdapat satu kaedah analogi yang membentuk konsep abstrak dengan mengaitkan simbol latar alam sekitar, tumbuh-tumbuhan, haiwan, benda-benda cakerawala, alat kelengkapan hidup dan manusia. Perkaitan dan hubungan ini dapat membantu setiap individu untuk menyampaikan hajat masing-masing (Tenas Effendy, 2008). Contohnya, bahasa figuratif yang mengandungi unsur

personifikasi telah mengaitkan benda-benda seperti burung, kucing, pokok dan sebagainya seolah-olah memiliki sifat-sifat manusia.

Bersandarkan kepada semua kenyataan tersebut, maka kajian ini mempunyai justifikasi bagi mengisi kelompongan analisis makna siratan bahasa figuratif dalam cerpen Melayu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif personifikasi dalam tiga buah cerpen Melayu yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* karya Lim Swee Tin.

### Sorotan Kajian

Gaya penulisan yang mempunyai makna siratan merupakan penerus kepada kelangsungan orang Melayu dalam hasil sastera seperti pantun, pepatah dan peribahasa (Arif Mohamad, 2016). Dalam kajian ini beliau telah meneliti aspek makna siratan yang terdapat dalam lima buah novel Melayu yang membawa tema politik. Lima buah novel tersebut ialah *Sebelas Rejab*, *Anak Mat Lela Gila*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Nagogho Astana* dan *Naratif Ogonshoto*. Kajian yang menggunakan kaedah Gagasan Kritikan Melayu ini telah membuktikan kerelevannya dalam mentafsirkan tentang makna siratan terhadap tiga dimensi, iaitu perilaku, peristiwa dan unsur alam. Hasil kajian berpandukan gagasan tersebut menunjukkan bahawa makna siratan ketiga-tiga dimensi merupakan kaedah dan gaya pengarang sebagai usaha memperlihatkan kreativiti dan kebijaksanaan pengarang dalam menyampaikan mesej, kritikan atau pendapat. Walaupun kajian tersebut telah membincangkan hal tentang makna siratan, namun aspek bahasa figuratif yang turut mengandungi makna siratan tidak dikaji. Oleh itu, kajian mengenai bahasa figuratif perlu dilakukan kerana gaya bahasa ini turut menjadi penyumbang kepada kejayaan sesebuah karya kreatif dalam memperkukuh idea yang hendak disampaikan oleh pengarangnya.

Hiperbola dan personifikasi berfungsi sebagai penegas; pembaca dapat merasakan dan menciptakan imaginasi dan untuk memperindah gaya bahasa dalam karya (Inieke

Kusuma Putir, 2013). Dalam kajian ini beliau telah mendeskripsikan makna bahasa figuratif hiperbola dan personifikasi dalam novel *Negeri 5 Menara* karya Ahmad Faudi. Penelitian kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan teknik dokumentasi dan kaedah padan dengan teknik pilah unsur penentu. Hasil kajian terhadap novel tersebut telah menemukan 37 data hiperbola dan 30 data personifikasi. Walaupun kajian ini telah menjalankan kajian mengenai makna tersirat yang terdapat pada unsur personifikasi, namun kajian ini tidak menggunakan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Oleh itu, satu kajian mengenai bahasa figuratif yang memanfaatkan Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986) wajar dijalankan bagi melihat keberkesannya menganalisis makna siratan unsur personifikasi dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin.

Selain itu, Erry Pranawa (2012) turut menjalankan kajian mengenai bahasa figuratif dalam novel. Novel yang dikaji ialah *Burung-burung Manyar* karya Y.B. Mangunwijaya. Kajian ini bertujuan untuk membicarakan makna bahasa figuratif yang meliputi metafora, simile, metonimi dan personifikasi. Keputusan kajian ini mendapati bahawa metafora dilihat sebagai lambang budaya masyarakat Jawa manakala simile pula menjadikan jalan cerita lebih jelas, tepat dan menyerlah. Personifikasi pula sangat banyak digunakan dalam novel tersebut yang berfungsi untuk menyampaikan gagasan, pendapat dan pengalaman penulis supaya dapat dirasai oleh pembaca. Seterusnya, kajian mendapati bahawa metonimi digunakan kerana terdapat banyak ungkapan yang bersifat simbolik.

Dalam kajian Mary Fatimah Subet (2012) yang bertajuk *Teori Relevans dalam Personifikasi* telah mengenal pasti jenis bahasa figuratif ini dalam lima buah sajak, iaitu *Ke Makam Bonda*, *Pelacur Tua*, *Suasana*, *Mata Ayah* dan *Gadis Kecil* karya Usman Awang. Dalam konteks ini, tinjauan dilakukan untuk menganalisis penggunaan personifikasi dalam sajak sebagai perantaraan untuk penyair meluahkan emosinya sama ada emosi positif

mahupun emosi negatif dengan menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil keputusan yang dijalankan membuktikan bahawa pengaplikasian teori yang digunakan dalam mengkaji makna sebenar personifikasi tersebut mampu menggambarkan perasaan penyair. Seterusnya, kajian lain telah dijalankan oleh Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014), iaitu menganalisis makna bahasa figuratif dalam sajak Usman Awang yang bertajuk *Selembar Kamus Kemiskinan*. Kajian ini memfokuskan makna kemiskinan sebagai bahasa figuratif ironi dengan menggunakan Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986). Pengkaji telah menemui sembilan data ironi, manakala hasil terhadap analisis makna data tersebut memperlihatkan bahawa penggunaan ironi dalam sajak Usman Awang telah berjaya menarik perhatian hati pembaca untuk menjiwai dan merasai kesedihan, simpati dan kesengsaraan hidup dalam kemiskinan.

Pada tahun 2015 pula Mary Fatimah Subet menjalankan kajian yang hampir sama. Kajian ini menganalisis makna siratan bahasa figuratif yang terdapat dalam sajak *Pelacur Tua* karya Usman Awang. Menerusi kajian ini, penggunaan bahasa figuratif dalam sajak tersebut mampu menggambarkan perasaan seorang pelacur seperti rasa sedih, sunyi, gelisah dan menyesal. Antara jenis bahasa figuratif yang ditemui ialah personifikasi, hiperbola dan ironi. Dalam kajian ini analisis makna siratan bahasa figuratif turut mengaplikasikan teori yang sama, iaitu Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986). Secara ringkasnya, berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Mary Fatimah Subet dalam sajak-sajak Usman Awang penggunaan bahasa figuratif seperti ironi, personifikasi dan hiperbola memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan daya imaginatif pembaca supaya turut merasai emosi penyair. Penelitian mengenai bahasa figuratif yang digunakan dalam sajak-sajak tersebut dapat dijadikan panduan kepada kajian lanjutan dalam genre yang berbeza-beza. Hal ini perlu dilakukan kerana banyak lagi genre lain yang menggunakan bahasa figuratif dalam penulisannya.

Syamsidah Saad dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014) menjalankan kajian tentang makna tersurat dan tersirat dalam iklan di radio berdasarkan Teori Imej. Kajian ini menggunakan kaedah rakaman audio bagi iklan yang dipilih dan kemudiannya ditranskripsikan ke dalam bentuk data untuk dianalisis. Stesen radio yang dipilih dalam kajian ini ialah stesen radio Hot FM, Sinar FM, Era dan Ikim. Kajian ini menfokuskan kepada menganalisis makna siratan bahasa figuratif dan makna suratan yang terdapat dalam iklan di radio. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, penggunaan bahasa figuratif dalam iklan bertujuan untuk memujuk pengguna agar tertarik untuk membeli produk yang dijual. Bukan itu sahaja, hasil kajian ini turut mendapati bahawa penggunaan bahasa tersurat yang padat dan ringkas serta mudah difahami oleh pengguna turut memberikan peranan yang penting dalam pengiklanan. Kesimpulannya, walaupun kajian ini menganalisis makna tersurat dan tersirat yang terdapat dalam iklan namun pengkaji tidak mengenal pasti jenis bahasa figuratif yang digunakan. Oleh itu, kajian untuk mengenal pasti bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi dalam karya lain wajar dijalankan.

Penggunaan bahasa figuratif bukan sahaja digunakan dalam karya sastera malah dalam teks ucapan. Menurut Nurul Afifah Adilah Mohd Salleh dan Normaliza Abd Rahim (2017) seorang pemimpin negara hendaklah bijak mengemblemkan bahasa apabila berhadapan dengan masyarakat. Oleh itu, penggunaan bahasa figuratif dalam ucapan dilihat mampu menyelami pemikiran para pemimpin negara. Wong Shia Ho (2013) telah menjalankan kajian mengenai bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran dalam teks ucapan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis makna implisit bahasa figuratif yang terdapat dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman dengan menggunakan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) bagi menyelami pemikiran Tunku Abdul Rahman. Kajian ini memanfaatkan tiga data bahasa figuratif, iaitu metafora, simile dan ironi. Hasil analisis makna implisit bahasa figuratif tersebut memperlihatkan bahawa

penggunaan bahasa figuratif dalam teks ucapan Tunku dapat menjelaskan pemikiran sosiopolitik beliau tentang harapan dan pendirian dalam kepemimpinannya terhadap negara.

Satu kajian mengenai penggunaan bahasa figuratif dalam penulisan murid sekolah rendah telah dijalankan oleh Siti Faridah Omar dan Fadilah Isnin (2017). Kajian ini bertujuan untuk membimbing guru mengajar murid menggunakan bahasa figuratif dalam karangan naratif. Kajian ini menggunakan 111 sampel yang terdiri daripada murid sekolah rendah dengan memberikan tumpuan kepada bahasa figuratif simile, metafora, personifikasi dan hiperbola. Hasil kajian mendapati bahawa 100 peratus guru bersetuju bahawa penggunaan bahasa figuratif dalam proses pengajaran dan pembelajaran membantu guru untuk mengajar murid mengarang dengan lebih berkesan dan dapat memperkayakan kosa kata murid. Kemudian, 90 peratus murid pula mengatakan bahawa mereka dapat mengaplikasikan bahasa figuratif khususnya simile dan hiperbola dengan baik dalam penulisan karangan naratif mereka. Dalam kajian ini juga, murid diajar untuk menggunakan bahasa figuratif yang sesuai berdasarkan konteks karangan mereka. Oleh itu, penggunaan bahasa figuratif bukan sahaja sangat penting agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih efektif bahkan dapat membina ayat yang indah dalam penulisan karangan.

Dalam artikel yang bertajuk *Bahasa Figuratif Pemanis Bicara* (Zurinah Hassan, 2011) menyatakan bahawa bahasa mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan bangsa yang menuturkannya. Tambah beliau lagi, keindahan, kehalusan dan pemikiran sesuatu bangsa tergambar melalui bahasanya. Ketiga-tiga perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa figuratif. Kajian yang dijalankan memilih akhbar *Utusan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Mingguan Malaysia* dan *Sinar Harian* sebagai bahan kajian. Hasil kajian menemui sembilan bahasa figuratif seperti metafora dan metonimi. Zurinah Hassan (2011) turut menyatakan bahawa Sasterawan Negara telah menghasilkan karya



dengan menggunakan pelbagai perlambangan daripada objek alam. Berdasarkan hal tersebut, kajian lanjutan mengenai bahasa figuratif khususnya personifikasi dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin sesuai untuk dijadikan sebagai data kajian oleh pengkaji.

Kesimpulannya, berdasarkan soratan terdahulu wujud permasalahan kajian yang memerlukan satu kajian yang khusus mengenai bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi. Tambahan pula, bersesuaian dengan kenyataan yang dipaparkan dalam *BH Online* (2014), iaitu mutakhir ini hasil karya sastera oleh penulis bukan Melayu semakin berkurangan. Oleh itu, cerpen Melayu karya Lim Swee Tin wajar dijadikan sebagai bahan kajian bagi mencapai objektif kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif personifikasi dalam tiga buah cerpen Melayu yang bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari*.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks yang melibatkan penganalisan data secara kualitatif. Secara ringkasnya, kualitatif merupakan kaedah untuk mencari dan menerangkan data penyelidikan (Kamarul Azmi, 2012).

Pengkaji memilih tiga buah cerpen karya Lim Swee Tin sebagai instrumen kajian, iaitu *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari*. Melalui cerpen-cerpen ini, Lim Swee Tin menonjolkan penggunaan bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi dalam memperlihatkan tema-tema yang lebih mencabar seperti tema tentang kemanusiaan yang penuh dengan kemelutnya dan tema tentang kemasyarakatan yang berlatarbelakangkan suasana desa sebagai daya dan gaya untuk menggugah emosi dan minda pembaca.

Cerpen *Tapah* mengisahkan hal tentang isu pergelutan dan kasih sayang. Usin yang sangat sayang kepada anaknya, Lamin bertekad ingin membunuh seekor ikan, iaitu tapah kerana telah menyerang Lamin sehingga lumpuh. Cerpen

*Gok* pula menceritakan hal tentang seorang anak bernama Jusuh yang mempertahankan sebuah bangsal peninggalan pusaka keluarganya daripada dimusnahkan oleh Saleh. Bangsal tersebut menempatkan segala kelengkapan laut seperti pukat serta gok sebagai aktiviti pertanian orang-orang Kampung Hutan Merbau. Kedua-dua cerpen Lim Swee Tin ini telah memenangi Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA masing-masing pada tahun 1983 dan 1986.

*Setelah Kabus Dinihari* pula merupakan cerpen yang telah memenangi Hadiah Cerpen DBP - Maybank pada tahun 1991. Cerpen ini menyetengahkan hal tentang latar belakang masyarakat keluarga Cina. Dalam cerpen ini sebuah keluarga Cina yang terdiri daripada watak bapa bernama Ah Liew, watak ibu bernama Lee Hua dan anaknya bernama Mei Fong yang telah menjumpai seorang budak bernama Fazliana. Persoalan mengenai kehilangan Fazliana terjawab apabila ibu bapa Fazliana datang ke rumah mereka untuk mengambil anaknya itu.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis makna siratan bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi dalam tiga buah cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Ketiga-tiga buah cerpen ini dikaji makna siratan bahasa figuratif tersebut berpandukan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986).

### Analisis dan Perbincangan

Gaya bahasa merupakan aspek penting dalam ilmu sastera dan sekaligus dalam ilmu linguistik (Suwardi Endraswara, 2003). Menurut Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017), gaya bahasa melibatkan aturan kata yang digunakan oleh para pengarang untuk melahirkan idea, fikiran dan saranan mereka. Dalam kajian ini unsur personifikasi dipilih sebagai kelompondan mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain.

Selain itu, kajian ini memilih untuk mengenal pasti bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi sebagai data kajian kerana bertitik

tolak kepada pendapat pengkaji yang lain. Antaranya, Maslida Yusof (1999) menyatakan bahawa persekitaran sentiasa mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan masyarakat sehari-harian. Ariff Mohamad (2017) turut memberi laluan kepada rasional kajian ini dijalankan. Beliau menyatakan bahawa masyarakat begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Oleh itu, mereka memberi tidak balas atau reaksi terhadap sesuatu perkara itu sehingga wujudnya bahasa figuratif seperti personifikasi.

Kajian ini memanfaatkan tiga buah cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Dalam hal ini, tiga buah cerpen Lim dipilih memandangkan pengarang merupakan Sasterawan Negara yang berbangsa Cina yang mampu menghasilkan karya yang bermutu tinggi seperti penulis nasional yang lain. Dalam artikel yang bertajuk *Sumbangan Sasterwan Cina, India (BH Online (2014))* menyatakan bahawa Lim memberi sumbangan yang konsisten dan bermutu tinggi sehingga melayakkan beliau dianugerahkan penerima S.E.A. Write Award. Oleh itu, kajian terhadap tiga buah cerpen ini rasional dianalisis dalam menaikkan nama, dorongan dan semangat agar penulis bukan Melayu terus memberikan sumbangan mereka kepada sastera Melayu sekali gus dapat memperlihatkan kebijaksanaan mereka. **Jadual 1** merupakan dapatan kajian ini, iaitu:

***Penggunaan Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin***

**Jadual 1** menunjukkan kekerapan bahasa figuratif personifikasi dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Berdasarkan jadual tersebut cerpen *Gok* mencatatkan jumlah bahasa figuratif

personifikasi yang paling tinggi, iaitu sebanyak 18 data (40 peratus) diikuti oleh cerpen *Setelah Kabus Dinihari*, iaitu sebanyak 15 data (33 peratus), manakala cerpen *Tapah* pula sebanyak 12 data (27 peratus). Secara keseluruhannya, memperlihatkan bahawa terdapat penggunaan bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi dalam ketiga-tiga buah cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Penggunaan personifikasi digunakan dalam ketiga-tiga buah cerpen Melayu ini didapati bersesuaian dengan konteks seperti latar peristiwa yang berlaku sekali gus dapat membangkitkan perasaan kepada pembaca. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Sukarni (2012) bahawa personifikasi berfungsi untuk menghidupkan suasana.

***Penganalisisan Makna Siratan Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin***

Menurut Keraf (2007) gaya bahasa merupakan saranan yang sengaja atau tidak sengaja ditulis oleh penulis dalam mengekspresikan karyanya. Gaya bahasa yang baik dilihat mengandungi kata yang sopan, menarik dan jujur. Kata-kata seperti ini terkandung dalamnya makna tersurat mahupun tersirat. Kata tersurat merupakan sesuatu bahasa yang mudah, langsung dan berterus terang. Manakala kata yang tersirat pula memerlukan tafsiran yang lebih meluas. Oleh itu, bahasa figuratif menunjukkan bahawa makna sesuatu kata atau ekspresi itu dikembangkan untuk mengisi ruang yang lebih luas atau ruang yang berbeza daripada yang biasa (Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd Saleeh Rahamad, 1996).

Jadual 1: Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin

Bil.	Cerpen Melayu	Jumlah	Peratus (%)
1.	Tapah	12	27
2.	Gok	18	40
3.	Setelah Kabus Dinihari	15	33
<b>Jumlah</b>		<b>45</b>	<b>100</b>

Bukan itu sahaja, bahasa figuratif yang mengandungi makna siratan dalam konteks kajian ini merujuk kepada gaya bahasa personifikasi yang membuatkan kita terfikir tentang rujukannya. Pemikiran inilah yang memberikan makna yang tepat kepada bahasa figuratif personifikasi yang terdapat dalam tiga buah cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Justeru itu, ungkapan bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi dianalisis makna siratannya seperti yang berikut:

**a. Penganalisan Makna Siratan Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen Tapah**

**Contoh 1**

“Lembing ini dahagakan tubuhmu...”

(Halaman: 65)

Bahasa Bahasa figuratif dalam **Contoh 1** dikenal pasti sebagai personifikasi. Menurut Joanna Lwi (2004) personifikasi didefinisikan sebagai memberikan sifat kemanusiaan kepada sesuatu haiwan atau benda tidak bernyawa. Justeru itu, melalui **Contoh 1** ini terserlah bahawa ungkapan tersebut terdiri daripada unsur personifikasi, iaitu melalui kata *lembing* yang disifatkan mempunyai rasa *dahaga* seperti yang dimiliki oleh sifat yang ada pada manusia.

Jika dari segi makna linguistik, jelas sekali menunjukkan bahawa ayat ini

membawa maksud *lembing itu berasa haus*. Berdasarkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) hal ini dapat dilihat seperti dalam **Jadual 2** iaitu:

Berdasarkan **Jadual 2** secara mudahnya makna linguistik bagi *dahagakan* ialah *haus* atau *hendak minum*. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira perkataan lain dalam ungkapan tersebut, terdapat kata *tubuhmu* selepas kata *dahagakan*. Oleh itu, kata *dahagakan* bukan merujuk kepada *haus* atau *hendak minum* tetapi mempunyai makna siratan. Melalui Teori Relevans, pengkaji akan menentukan kod, inferens dan andaian untuk menganalisis makna siratan bagi **Contoh 1** seperti dalam **Jadual 3**.

Andaian dalam **Jadual 3**, iaitu *berkeinginan membunuh tubuhmu* merupakan maksud siratan bagi *dahagakan*. Proses menentukan beberapa andaian yang paling tepat dilakukan berdasarkan beberapa konteks yang terdapat dalam cerpen tersebut.

Konteks permulaan ini merujuk kepada perkataan yang melingkunginya, iaitu *lembing* dan *tubuhmu*. Melalui kedua-dua perkataan ini, pembaca akan memproses makna *dahagakan* dengan sesuatu yang *berkeinginan* selain daripada *rasa haus* atau *ingin minum*. Hal ini sedemikian kerana, melalui peranan kognitif umumnya

Jadual 2: Makna Linguistik “Lembing ini dahagakan tubuhmu...”

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
1.	“Lembing ini dahagakan tubuhmu...”	i. lembing – sejenis senjata bermata besi, seligi ii. ini – kata petunjuk untuk benda (tempat dan waktu yang dekat) iii. dahagakan – haus, hendak minum iv. tubuh – keseluruhan jasad manusia atau binatang yang kelihatan v. mu – singkatan bagi kamu (kata ganti diri kedua)

Jadual 3: Makna Siratan “Lembing ini dahagakan tubuhmu...”

Analisis Teori Relevans		
Contoh 1: “Lembing ini dahagakan tubuhmu...”		
Kod	Inferens	Andaian
dahagakan	berkeinginan keras	i. berkeinginan membunuh tubuhmu ii. bernafsu iii. perasaan ingin disayangi



pembaca mengetahui bahawa *lembing* merupakan *sejenis senjata bermata besi* dan *memiliki sifat yang tajam*. Bukan itu sahaja, *lembing* merupakan senjata yang digunakan oleh masyarakat dahulu untuk mempertahankan diri. Oleh itu, andaian merujuk kepada *lembing* yang berasa *haus* atau *hendak minum* tidak relevan dalam menganalisis makna siratan bagi **Contoh 1**. Konteks yang kedua pula ialah merujuk kepada kata *tubuhmu*. Dalam hal ini, *tubuhmu* merujuk kepada tubuh tapah, iaitu sejenis ikan. Maka, berdasarkan peranan kognitif *dahagakan* bermakna *haus* atau *hendak minum* adalah tidak tepat sama sekali kerana melalui pengetahuan yang sedia ada oleh pembaca, ikan tidak boleh diminum tetapi untuk dimakan.

Selain daripada maklumat konteks yang berada dalam lingkungan contoh tersebut, pengkaji juga menguatkan lagi makna siratan contoh ini berdasarkan maklumat tambahan, iaitu melalui kisah di dalam cerpen ini. Cerpen ini mengisahkan seorang bapa bernama Usin yang ingin membunuh tapah kerana telah mengakibatkan anaknya lumpuh. Kenyataan ini disokong oleh Sperber dan Wilson (1986), iaitu konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir tetapi konteks melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan, keagamaan, kebudayaan, kenangan atau emosi seperti lucu, sedih dan gembira. Oleh itu, dalam konteks ini dapat dilihat bahawa terdapat unsur emosi marah. Usin berasa marah akan apa yang telah dilakukan oleh tapah seperti yang dapat dibuktikan melalui ayat yang berikut:

“Usin turun malam ini untuk menentukan terbayarnya sebuah dendam.”

(Halaman: 65)

Hasil daripada maklumat baharu tersebut yang kemudiannya digabungkan pula dengan andaian (i) *berkeinginan membunuh tubuhmu*, maka andaian yang

lemah seperti dalam andaian (ii) *bernafsu* dan andaian (iii) *perasaan ingin disayangi* akan digugurkan supaya makna siratan bagi “lembing ini dahagakan tubuhmu...” tidak terancam seterusnya dapat difahami maknanya. Dengan itu, hasil analisis makna siratan bagi “Leming ini dahagakan tubuhmu...” berdasarkan Teori Relevans ialah *Usin ingin membunuh tapah yang telah mengakibatkan kecacatan pada anaknya dengan menggunakan lembing*.

### Contoh 2

“Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”

(Halaman: 74)

Berdasarkan pernyataan daripada Nilsen, Don L.F. & Nilsen, Allen Pace, “*Personification is even more common*” (1978), iaitu yang bermaksud bahawa penggunaan personifikasi adalah biasa digunakan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa Lim Swee Tin telah menggunakan unsur personifikasi dalam cerpen beliau yang bertajuk *Gok* bagi menggugah emosi dan minda pembaca seperti dalam **Contoh 2** ini.

Penganalisan makna sebenar personifikasi dalam ayat, “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...” menunjukkan bahawa pemberian makna secara literal belum mampu menentengahkan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang. Hal ini dapat dilihat berdasarkan dalam **Jadual 4** makna linguistik “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...” ialah *kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku* tidak dapat menghuraikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Dengan ini, makna siratan bagi **Contoh 2** akan diselongkar berdasarkan Teori Relevans seperti dalam **Jadual 5**.

Menurut Hawkes (1972) personifikasi adalah sejenis metafora. Pendapat ini turut dinyatakan oleh Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd Saleeh Rahamad (1996) yang

Jadual 4: Makna Linguistik “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
2.	“Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”	i. kau – singkatan bagi engkau (kata ganti diri kedua) ii. rupanya – rupa, nampaknya, agaknya, kiranya, barangkali, gerangan, konon, kiranya, alih-alih, sebenarnya, sebetulnya iii. dapat – boleh, berupaya, mampu, menerima, bertemu, berjaya, berhasil, tercapai, faham iv. juga – sama, serupa v. mencium - mengucup vi. kedatangan – tiba vii. aku – kata ganti diri pertama

Jadual 5: Makna Siratan “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”

Analisis Teori Relevans		
Contoh 2: “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...”		
Kod	Inferens	Andaian
mencium	sesuatu perkara	i. mengetahui ii. menjejaki

menyatakan bahawa personifikasi pada asasnya merupakan bentuk metafora yang khusus, mudah dan lazim. Dalam metafora berlaku pemindahan makna baru yang lebih luas, istimewa dan tepat (Hawkes, 1972). Berdasarkan pernyataan oleh Hawkes (1972) tersebut, maka kata *mencium* perlu diperluas lagi maknanya bagi mendapatkan makna siratan “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...” dengan lebih tepat.

Maksud linguistik bagi kata *mencium* yang bermaksud *mengucup* awal-awal lagi tidak bersesuaian dengan konteks yang melatarinya kerana konteks yang tergambar dalam unsur ini adalah melibatkan rasa marah. Sebaliknya, melalui peranan kognitif kata *mencium* digambarkan sebagai sesuatu perasaan yang positif. Hal ini sejajar dengan Teori Relevans yang menyatakan bahawa proses pemahaman sesuatu ujaran melibatkan konteks emosi yang dibentuk melalui pemahaman psikologi pembaca (Sperber dan Wilson, 1986). Oleh itu, dalam konteks ini kata *mencium* bermaksud *mengucup* digugurkan kerana bersesuaian dengan saranan Teori Relevans, apa-apa andaian yang lemah akan digugurkan bagi membantu kesan konteks yang

tinggi dan seterusnya membantu proses menginteprestasikan makna yang tepat.

Melalui Teori Relevans, kewujudan kedua-dua andaian tersebut seperti dalam **Jadual 5** dapat membantu proses mengeksplisitkan makan siratan bagi “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...” dengan lebih tepat. Andaian ini wujud melalui frasa lain yang terdapat dalam unsur personifikasi ini, iaitu *kedatangan aku*. Dengan bantuan ini, pengkaji semestinya boleh memproses maklumat yang sebenarnya. Hasil kajian mendapati bahawa kata *mencium* telah membawa konsep perluasan makna kerana terdapat kepada andaian lain bagi makna *mencium*, iaitu yang bermaksud *mengetahui* atau *menjejaki*. Seperti menurut kata Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012), peluasan makna merupakan salah satu faktor perubahan makna sesuai dengan perkembangan dan keperluan pemikiran pemakai bahasa itu.

Setelah wujudnya kedua-dua andaian ini, pengkaji seterusnya membuat pertambahan maklumat baharu bagi melengkapkan pencarian makna siratan bagi **Contoh 2**. Maklumat baharu tersebut berdasarkan konteks yang berikut:

“Buuuuuhhh. Permukaan lubuk berkocak kuat.”

(Halaman:74)

Melalui maklumat baharu ini jelas sekali menunjukkan bahawa tapah memberikan tindak balas dengan adanya unsur bunyi *buuuuuuhhh* apabila mengetahui Usin berada ditempat persembunyiannya. Hal ini sejajar dengan proses penguatan dalam Teori Relevans, iaitu menginterpretasi sesuatu ujaran, pembaca tidak hanya terbatas kepada andaian lama yang telah sedia ada tetapi juga harus peka dengan kehadiran maklumat serta andaian baharu. Oleh itu, dapat dikesan bahawa antara andaian *mengetahui* dan *menjejaki* andaian yang paling tepat bagi maksud *mencium* ialah *mengetahui*.

Berbekalkan dengan proses yang terlibat berdasarkan Teori Relevans dapat disahkan bahawa makna siratan personifikasi bagi “Kau rupanya dapat juga mencium kedatangan aku...” bermaksud *Tapah rupanya dapat juga mengetahui kedatangan Usin yang ingin membunuhnya*. Justeru itu, jelaslah bahawa melalui penganalisisan makna siratan berdasarkan Teori Relevans, Lim Swee Tin tidak menyatakan sesuatu hal atau perkara secara langsung sebaliknya beliau bijak menggunakan unsur personifikasi dan seterusnya berjaya mengajak pembaca untuk turut merasai emosi Usin yang ingin membunuh tapah.

#### b. Penganalisisan Makna Siratan Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen *Gok*

##### Contoh 3

“Matanya juga liar mencari.”

(Halaman: 79)

**Contoh 3** dikenal pasti sebagai bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi kerana wujudnya perkataan *mata* yang diberikan kepada sifat manusia, iaitu *liar*. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) *liar* bermaksud *tidak jinak, terbiar* atau *tidak dijaga*. Manakala

secara keseluruhannya, makna linguistik bagi **Contoh 3** dapat dilihat seperti dalam **Jadual 6** iaitu:

Melalui **Jadual 6**, walaupun makna linguistik telah dikemukakan, namun seperti yang ditekankan bahawa makna linguistik sahaja tidak mampu memberikan makna yang sebenar terhadap **Contoh 3**. Arba'ie Sujud (2016) menyatakan bahawa terdapat beberapa perkataan untuk suatu pengertian, sama ada perkataan lain yang membawa makna yang sama atau perkataan yang berbeza ertinya secara literal tetapi membawa konotasi yang sama dengan maksud yang hendak disampaikan. Berkaitan dengan kenyataan beliau ini, dapat dilihat bahawa bahasa figuratif juga merupakan gaya bahasa yang mempunyai ciri perkataan yang mempunyai makna selain maknanya yang tersurat. Hal ini selaras dengan Teori Relevans yang menekankan bahawa makna sebenar tidak semestinya daripada makna linguistik. Pengkaji akan menganalisis makna siratan “Matanya juga liar mencari” berdasarkan Teori Relevans seperti dalam **Jadual 7**, iaitu:

Kod *liar* diinferenskan sebagai *pandangan*, *perangai*, *perbualan* dan *permainan*. Kesahan sesuatu andaian adalah relevan berdasarkan dalam konteks jika andaian tersebut memberi kesan konteks yang tinggi. Dengan itu, melalui set inferens ini secara langsung mewujudkan andaian yang dapat mencungkil makna siratan bagi “Matanya juga liar mencari.” Andaian awal bagi kod *liar* ialah *pandangan yang gelisah* atau *tidak teratur, berperangai ganas* atau *buas* dan *bercakap tidak sopan*. Akan tetapi, pengkaji menggunakan pertambahan maklumat baharu bagi mengesahkan makna yang lebih relevan bagi unsur ini.

Berdasarkan maklumat dalam konteks unsur ini, terdapat perkataan *mata*. Oleh itu, kesan konteks menunjukkan bahawa kata *liar* merujuk kepada kata *mata*. Manakala, melalui peranan kognitif dan juga makna

Jadual 6: Makna Linguistik “Matanya juga liar mencari.”

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
3.	“Matanya juga liar mencari.”	i. matanya – alat untuk melihat (nya - kata ganti diri ketiga) ii. juga – keadaan yang sama atau serupa iii. liar – tidak jinak, terbiar, tidak terjaga iv. mencari –berusaha untuk mendapatkan sesuatu

Jadual 7: Makna Siratan “Matanya juga liar mencari.”

Analisis Teori Relevans		
Contoh 3: “Matanya juga liar mencari.”		
Kod	Inferens	Andaian
liar	Pandangan, perangai, perbualan, permainan	i. pandangan yang gelisah, tidak teratur ii. berperangai ganas atau buas iii. bercakap tidak sopan

linguistik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014) *mata* merupakan *alat untuk melihat*. Jadi, kajian ini mendapati bahawa hasil daripada kos memproses makna siratan bagi “Matanya juga liar mencari” ialah *Usin sebenarnya sedang mencari mancis dengan menggunakan mata sebagai alat untuk melihat dan mata tersebut dilambangkan mempunyai sifat liar yang bererti semasa mencari mancis tersebut Usin dalam keadaan gelisah kerana belum lagi menjumpai mancis tersebut*. Makna unsur ini juga dapat dilihat berdasarkan konteks tersebut:

“Jusuh menarik rokok dari mulut kotak yang ternanga. Dirabanya mancis. Sekali ke kiri sekali ke kanan. Di atas bangku panjang itu barang-barang bersepehan. Dirabanya pula di bawah kain batik lepas. Ada. Jusuh keluaran sebatang anak mancis. Dinyalakannya hujung rokok yang sedia tersepit di bibir.”

(Halaman: 79)

Berdasarkan kupasan makna siratan “Matanya juga liar mencari” jelasnya, kos memproses makna bagi personifikasi ini adalah dianggap rendah kerana mudah difahami. Pengkaji hanya memerlukan kos memproses yang rendah berdasarkan pengetahuan yang sedia ada dan konteks yang berada dalam lingkungan unsur ini. Hal ini sejajar dengan teori yang digunakan,

iaitu semakin rendah usaha kos memproses, maka semakin tinggilah kesahan ujaran itu. Manakala, semakin tinggi usaha kos memproses, maka semakin rendah kesahan ujaran itu.

#### Contoh 4

“Malam sungguh cemerlang.”

(Halaman: 84)

**Contoh 4** “malam sungguh cemerlang” ini wujud dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin yang bertajuk *Gok*. **Contoh 4** ini amat sesuai diletakkan dalam personifikasi kerana terdapatnya unsur perorangan, iaitu memberikan sifat manusia kepada objek mati apabila *malam* sejenis benda tidak bernyawa diberikan sifat manusia, iaitu *cemerlang*. Menurut Sukarni (2012), personifikasi mengiaskan benda-benda mati yang bertindak, berbicara dan bersifat seperti manusia atau juga dikenali sebagai penginsanan.

Secara awalnya pula, kajian mendapati bahawa **Contoh 4** “malam sungguh cemerlang” mempunyai makna siratan. Hal ini sedemikian kerana dalam usaha untuk menganalisis makna bagi **Contoh 4** ini makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) tidak mampu mengetengahkan makna sebenarnya. Dalam **Jadual 8** merupakan makna linguistik bagi contoh tersebut, iaitu:

Unsur personifikasi dalam **Contoh 4**, menunjukkan bahawa makna linguistik bagi *cemerlang* berkaitan dengan *kejayaan yang baik*. Berdasarkan paparan yang dikemukakan jelas sekali bahawa makna linguistik ini tidak bertepatan dengan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pengkaji mendapati bahawa **Contoh 4** mengandungi makna siratan berdasarkan konteks permulaan unsur personifikasi ini temui, iaitu:

“Jusuh membuka pintu. Mamat bergegas mengikutinya dari belakang. **Di luar, bintang-bintang bertaburan.** Malam sungguh cemerlang.”

(Halaman: 84)

Melalui konteks permulaan, maka usaha menganalisis makna siratan diperlukan. Dengan ini Teori Relevans digunakan dalam mencari makna siratannya.

Dalam Teori Relevans, ada beberapa cara untuk kita mendapat maklumat tambahan, misalnya melalui pengetahuan sedia ada, ensiklopedia, ujaran terdahulu, kenangan lucu, persekitaran dan sebagainya. Maklumat tambahan ini akan menghasilkan kesan konteks yang banyak. Semakin tinggi kesan konteks semakin relevan andaian tersebut. Oleh itu, berdasarkan konteks permulaan yang dikemukakan, kod *cemerlang* merujuk kepada *suasana*. Juteru itu, muncul

andaian sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 9** untuk mendapatkan makna siratan yang sebenar bagi “malam sungguh cemerlang.”

Kupasan terhadap kod *cemerlang* diandaikan sebagai *suasana malam yang baik, suasana malam yang indah* dan *suasana malam yang gilang-gemilang* melalui konteks permulaan tadi kerana terdapat ujaran “Di luar, bintang-bintang bertaburan”. Melalui ensiklopedia pendengar, sekiranya pada waktu malam terdapat bintang-bintang, maka cuaca pada malam tersebut akan cerah dan begitu juga sebaliknya. Secara tidak langsung, pendengar akan membayangkan bahawa cuaca yang cerah adalah suasana yang baik, indah ataupun gilang-gemilang. Oleh itu, berdasarkan kepada penggabungan konteks dan maklumat ensiklopedia pendengar dapat menghasilkan kesan konteks yang tinggi dan andaian-andaian awal yang dikemukakan adalah dianggap relevan.

Bukan itu, sahaja bagi mengelakkan kekeliruan, pendengar mestilah sedar bahawa dalam menganalisis makna siratan bahasa figuratif, pendengar tidak hanya terbatas kepada maklumat awalan tetapi juga harus peka dengan kehadiran maklumat serta andaian baharu. Jadi, dalam menganalisis makna siratan bagi

Jadual 8: Makna Liguistik “Malam sungguh cemerlang.”

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
4.	“Malam sungguh cemerlang.”	i. malam – waktu mulai matahari masuk sampai matahari terbit ii. sungguh – tidak bohong, benar, betul iii. cemerlang – kejayaan atau keputusan yang baik

Jadual 9: Makna Siratan “Malam sungguh cemerlang.”

Analisis Teori Relevans		
Contoh 4: “Malam sungguh cemerlang.”		
Kod	Inferens	Andaian
cemerlang	suasana, keadaan, cuaca	i. suasana malam yang baik ii. suasana malam yang indah iii. suasana malam yang gilang-gemilang



“Malam sungguh cemerlang” pengkaji mengemukakan maklumat baharu agar makna siratannya dapat dikemaskinikan lagi. Maklumat baharu tersebut ialah berdasarkan ujaran seperti yang berikut:

“Alangkah baiknya kalau **hati Saleh secemerlang** itu dan dapat bersama orang-orang kampung hidup dalam rukun damai, fikir Jusuh.”

(Halaman: 84)

Kajian mendapati bahawa seberkas ujaran yang dikemukakan tersebut turut mengandungi unsur personifikasi, iaitu “hati Saleh secemerlang itu...” Dalam konteks baharu tersebut dapat dilihat bahawa pengarang cuba menyamakan “Malam sungguh cemerlang” dengan “hati Saleh secemerlang itu...” Kemudiannya, pengarang bukan sekadar menyamakan hal tentang keadaan malam dan hati Saleh yang cemerlang tetapi jika hati Saleh secemerlang malam itu, maka orang-orang kampung Hutan Merbau akan hidup rukun damai. Hal ini sedemikian kerana melalui kisah dalam cerpen yang dikaji ini, Saleh memiliki watak antagonis. Dia berniat untuk memusnahkan sebuah bangsal peninggalan pusaka keluarga Jusuh. Bangsal itu berfungsi sebagai tempat kegiatan pertanian orang kampung. Oleh itu, sekiranya bangsal itu dibakar kerana sikap Saleh yang jahat itu, maka hal ini akan mengakibatkan kesan yang buruk terhadap aktiviti pertanian orang kampung yang menjadi sumber ekonomi mereka. Seterusnya, setelah diambil kira mengenai watak antagonis Saleh, maka kesimpulan yang dapat dibuat bahawa Jusuh berharap Saleh berubah menjadi baik untuk kesejahteraan penduduk kampung tersebut.

Kajian mendapati bahawa dalam personifikasi “Malam sungguh cemerlang” dan “hati Saleh secemerlang itu...” mengemukakan kesan konteks yang sama, iaitu mengenai perkara yang baik. Dengan hal yang demikian, penggabungan maklumat antara konteks awalan, andaian

awalan, pengetahuan ensiklopedia pendengar, dengan maklumat baharu telah dapat menghasilkan kesan konteks yang dapat membantu pembaca memproses makna (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003) dan seterusnya memahami makna siratan “Malam sungguh cemerlang” yang ingin disampaikan oleh pengarang dengan mudah. Justeru itu, makna siratan berdasarkan Teori Relevans ini menunjukkan bahawa “Malam sungguh cemerlang” bermaksud *suasana malam yang baik*.

### c. Penganalisan Makna Siratan Bahasa Figuratif Personifikasi dalam Cerpen *Setelah Kabus Dinihari*

#### Contoh 5

“...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan...”

(Halaman: 128)

Bahasa figuratif merupakan unsur bahasa yang mengandungi perkataan yang dikiasakan kepada perkataan lain. Arba'ie Sujud (2016) menyatakan bahawa bahasa kiasan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu peristiwa, aksi dan emosi terhadap sesuatu karya tersebut. Berikutan itu, dalam hasil kajian ini pengkaji mendapati bahawa pengarang cerpen *Setelah Kabus Dinihari*, iaitu Lim Swee Tin telah menggunakan bahasa figuratif yang mengandungi unsur personifikasi sebagai nilai tambah yang penting terhadap penceritaan dalam cerpen beliau.

**Contoh 5**, iaitu “...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan...” merupakan antara data personifikasi yang terdapat dalam cerpen ini. Contoh ini dikenal pasti sebagai personifikasi kerana *kisah-kisah lama* seolah-olah memiliki tangan untuk melakukan perbuatan *menghiris*. Justeru itu, sebelum analisis makna siratan dilakukan **Jadual 10** merupakan makna linguistik bagi **Contoh 5**, iaitu:

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), dalam **Jadual 10**, menunjukkan

bahawa makna linguistik *menghiris* dapat dikesan sebagai *memotong nipis-nipis*. Berdasarkan pengetahuan yang sedia ada, *menghiris* merupakan sesuatu perbuatan yang tergolong dalam kata kerja. Perbuatan ini dilakukan oleh manusia menggunakan peralatan seperti pisau. Sebagai contoh dapat dilihat dalam ayat yang berikut:

“Mereka sedang **menghiris** pandan untuk dibuat bunga rampai.”

(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2014)

Dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa adalah mustahil *menghiris* mempunyai maksud yang sama bagi menggambarkan maksud dalam **Contoh 5**. Hal ini sedemikian kerana jika *menghiris* bermaksud *memotong nipis-nipis*, berdasarkan konteks dalam **Contoh 5** memerlukan sesuatu yang bersifat konkrit contohnya *bunga rampai*, *daging*, *kentang* dan sebagainya. Akan tetapi dalam **Contoh 5** terdapat perkataan *perasaan*. *Perasaan* merupakan unsur yang bersifat abstrak yang tidak boleh dipegang apatah lagi dipotong. Dengan hal yang demikian jelas menunjukkan bahawa *menghiris* tidak merujuk kepada *memotong nipis-nipis*.

Berdasarkan kupasan di atas, pengkaji mendapati bahawa dalam **Contoh 5** mengandungi makna siratan yang tidak mampu difahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang sekiranya hanya dianalisis makna linguistiknya sahaja. Penggunaan Teori Relevans diaplikasikan dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian ini, iaitu menganalisis makna siratan unsur personifikasi yang terdapat dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. Pengkaji mengeksplorasi makna siratan “...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan...” seperti dalam **Jadual 11**, iaitu:

Andaian di atas dapat memberikan konteks permulaan dalam mencari makna siratan bagi **Contoh 5**. Walau bagaimanapun, kehadiran maklumat tambahan diperlukan bagi kesahan andaian yang dikemukakan tersebut. Melalui pembacaan secara intensif

terhadap cerpen yang bertajuk *Setelah Kabus Dinihari*, cerpen ini mengisahkan hal tentang Ah Liew yang telah kehilangan adik kandungnya semasa kecil dahulu. Keadaan ini menggambarkan bahawa Ah Liew sedang berasa sedih kerana teringat akan perkara tersebut. Penguatan andaian ini juga boleh dilihat melalui beberapa petikan perbualan antara Ah Liew dengan anaknya bernama Mei Fong seperti yang berikut:

Ah Liew : Papa punyai kesedihan lain yang Fong tidak pernah fahaminya.

Mei Fong : Apa dia papa?

Ah Liew : Papa punyai seorang adik kandung lagi.

Mei Fong : Adik? (Mei Fong tersentak kerana selama ini dia tidak pernah diberitahu tentang tu) Mengapa papa rahsiakan hal ini?

Ah Liew : Bukan rahsia, Fong. Tetapi, papa merasakan buat apa kembali mengungkapkan kisah-kisah lama yang menghiris perasaan itu. Lagipun, papa tidak pernah ingat iras wajah adik papa itu.

Mei Fong : Di mana dia sekarang papa?

Ah Liew : Entah.

(Halaman: 127 dan 128)

Dalam beberapa petikan perbualan antara Ah Liew dengan Fong inilah wujudnya penguatan andaian terhadap maksud perkataan bagi *menghiris*. Oleh itu, maksud *menghiris* ialah *memotong nipis-nipis* perlu digugurkan. Hal ini sejajar dengan terma Teori Relevans, iaitu apa-apa andaian yang menimbulkan kekeliruan dalam proses memahami makna sesuatu ujaran perlu digugurkan (Sperber dan Wilson, 1986).

Andaian i. *memilukan hati* dan andaian ii. *Menyakitkan hati* seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 11** merupakan makna siratan bagi *menghiris*. Hal ini sedemikian kerana

Jadual 10: Makna Linguistik "...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan..."

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
5.	"...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan..."	i. kisah-kisah – hal, cerita, kejadian, riwayat ii. lama – berlaku pada masa yang sudah-sudah iii. yang- kata hubung iv. hanya – tidak lebih daripada, cuma, sahaja v. menghiris – memotong nipis-nipis vi. perasaan – emosi

Jadual 11: Makna Siratan "...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan..."

Analisis Teori Relevans		
Contoh 5: Makna Siratan "...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan..."		
Kod	Inferens	Andaian
menghiris	rasa yang sangat sedih	i. memilukan hati ii. menyakitkan hati

kedua-dua andaian ini selaras dengan konteks yang ada dalam **Contoh 5**. Andaian ini dapat dibuktikan apabila kedua-dua andaian tersebut dihubungkan dengan pengetahuan yang sedia ada oleh pembaca dan maklumat-maklumat tambahan dalam konteks tersebut ternyata telah menghasilkan kesan konteks yang tinggi. Kesimpulannya, apabila kesan konteks tinggi maka, kos memproses makna sesuatu ujaran adalah rendah. Apabila kos memproses makna rendah, maka makna sesuatu ujaran mudah difahami. Oleh itu, makna siratan bagi **Contoh 5** "...kisah-kisah lama yang hanya menghiris perasaan..." bermaksud *Ah Liew sedang berasa piliu atau menyakitkan hati kerana terlalu sedih apabila teringatkan tentang kisah kehilangan adik kandungnya itu.*

### Contoh 6

"...pondok tua..."

(Halaman: 129)

Bahasa figuratif seperti ironi, hiperbola, metafora, simile dan sebagainya merupakan bahasa yang tidak literal, iaitu mempunyai makna lain disebalik sesuatu perkataan atau ungkapan itu (Noah Goodman, 2014). Dengan itu, menurut Siti Faridah Omar dan Fadilah Isnin (2017) seseorang pembaca itu harus mempunyai penguasaan bahasa yang

baik agar teks yang disampaikan secara implisit dapat diproses maknanya yang sebenar.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka dalam **Contoh 6** pengkaji menganalisis makna literalnya terlebih dahulu sebelum menganalisis makna siratannya berdasarkan Teori Relevans.

Secara mudahnya, makna linguistik "...pondok tua..." ialah *rumah kecil* atau *madrrasah yang sudah lama*. Walau bagaimanapun, bahasa figuratif merupakan gaya bahasa kiasan yang mengubah makna yang diberikan oleh kamus. Oleh itu, kajian mengenai aspek makna kiasan seperti ini bukan sahaja perlu dianalisis pada peringkat semantik dan sintaktik sahaja tetapi juga perlu melibatkan bidang pragmatik. Hal ini sejajar dengan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017) yang telah menganalisis mengenai makna sebenar unsur eufemisme dalam novel *Jalan Retak* karya A. Samad Said. Pengkaji berpendapat bahawa kajian mengenai makna unsur eufemisme yang juga merupakan gaya bahasa kiasan, perlu melibatkan bidang pragmatik kerana bidang tersebut merupakan kesinambungan terhadap kajian aspek makna yang lebih luas dalam

mengintepretasikan makna siratan bahasa kiasan. Oleh itu, dalam kajian ini, bagi memahami makna siratan yang terdapat dalam "...pondok tua..." pengkaji akan menganalisis maknanya berdasarkan Teori Relevans.

Kedua-dua andaian berdasarkan **Jadual 13** memberikan kesan konteks awal yang diperlukan dalam menganalisis makna siratan bagi "...pondok tua..." Walau bagaimanapun, pencarian makna siratan ini perlu diteruskan lagi dengan melalui beberapa proses lain seperti yang disarankan oleh Teori Relevans agar proses pencarian makna siratan lebih lengkap dan relevan. Oleh itu, bagi kesahan andaian-andaian yang telah dikemukakan itu, di sinilah pengkaji menggunakan proses penguatan.

Proses penguatan maklumat merupakan proses apabila andaian awal pembaca dapat dikuatkan dengan maklumat baharu yang diberikan oleh penutur atau pengarang dalam hasil karyanya (Nor Hashimah, 2003 dalam Mary Fatimah Subet, 2015). Berdasarkan **Jadual 13**, melalui kod, inferens dan andaian yang telah dikemukakan merupakan langkah awal aplikasi Teori Relevans. Kajian ini mendapati bahawa dalam andaian i. *rumah usang* dan ii. *rumah buruk* berkemungkinan andaian ini merupakan seberkas makna yang paling hampir dengan maksud siratan bagi **Contoh 6**. Andaian-andaian ini kemudian

dikuatkan dengan kehadiran maklumat baharu. Maklumat baharu ini adalah melalui konteks pembacaan yang sedia ada, iaitu cerpen *Setelah Kabus Dinihari* ini berlatarberlakangkan masyarakat Cina yang tinggal di kampung. Berdasarkan latar belakang penduduk kampung pengkaji dapat membayangkan bahawa rumah di kampung kecil, buruk dan usang kerana faktor ekonomi yang bersumberkan pendapatan daripada hasil pertanian. Oleh itu, mereka tidak berkemampuan untuk membina rumah-rumah mewah. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui ujaran seperti yang berikut:

"Atap zink yang dibakar matahari sepanjang siang boleh didinginkan dengan membuka lebar-lebar jendela kayu itu."

(Halaman: 124)

Berdasarkan ujaran tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengkaji telah mempunyai pengetahuan yang sedia ada, iaitu ujaran ini merujuk kepada keadaan rumah yang dihuni oleh keluarga Cina tersebut. Rumah mereka yang digambarkan beratap zink dan berjendela daripada kayu jelas memudahkan pengkaji memahami bahawa rumah mereka usang atau buruk. Hal ini sedemikian kerana zink merupakan bahan yang mudah karat apabila sering terdedah dengan cuaca panas dan sejuk. Sebaliknya, jika rumah mewah sudah tentu bumbung rumah tersebut diperbuat

Jadual 12: Makna Linguistik "...pondok tua..."

Contoh	Personifikasi	Makna Linguistik
6.	"...pondok tua..."	i. pondok – rumah kecil, madrasah ii. tua – sudah lama

Jadual 13: Makna Siratan "...pondok tua..."

Analisis Teori Relevans		
Contoh 6: "...pondok tua..."		
Kod	Inferens	Andaian
cemerlang	suasana, keadaan, cuaca	i. rumah usang ii. rumah buruk

daripada material yang lebih baik seperti atap genting.

Melalui proses tersebut seperti proses penguatan, ensiklopedia pendengar dan peranan kognitif telah menghasilkan kesan konteks yang tinggi terhadap andaian yang dikemukakan seperti dalam **Jadual 13**. Seterusnya andaian ini membantu usaha memproses makna siratan **Contoh 6** sehingga dapat mencapai tahap pemahaman makna yang ingin disampaikan oleh pengarang. Jadi, kajian ini mendapati bahawa andaian yang dikemukakan sangat tinggi kesahannya kerana hanya memerlukan usaha memproses makna yang rendah. Sebagai kesimpulannya, makna siratan "...pondok tua..." ialah *rumah usang* atau *rumah buruk*.

### Kesimpulan

Dalam konteks kajian ini, personifikasi merupakan gaya bahasa figuratif yang melambangkan benda-benda seperti pondok, matahari, angin dan sebagainya memiliki sifat-sifat, tindak-tanduk atau perilaku seperti manusia berdasarkan dalam cerpen Melayu bertajuk *Tapah*, *Gok* dan *Setelah Kabus Dinihari* karya Lim Swee Tin. Pengkaji mendapati bahawa terdapat 45 data personifikasi dalam ketiga-tiga cerpen Melayu karya Lim Swee Tin tersebut. Cerpen *Gok* mencatatkan jumlah bahasa figuratif personifikasi yang paling tinggi, iaitu sebanyak 18 data (40 peratus) diikuti oleh cerpen *Setelah Kabus Dinihari*, iaitu sebanyak 15 data (33 peratus) manakala cerpen *Tapah* pula sebanyak 12 data (27 peratus).

Hasil dapatan juga memperlihatkan bahawa penggunaan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dapat menghuraikan makna siratan personifikasi tersebut. Melalui penganalisan makna siratan personifikasi, maka kewujudan personifikasi dalam cerpen yang dikaji dapat memberi kesan yang berimpak positif kepada penulisan pengarang. Hal ini sedemikian kerana melalui penggunaan personifikasi tersebut pengarang berjaya membawa pembaca untuk sama-sama

merasai emosi, kepincangan atau situasi yang ada atau yang tercetus dalam cerpen tersebut. Selain itu, penggunaan personifikasi dilihat dapat menggambarkan kebijaksanaan dan keintelektualan pengarang dalam bermain dengan bahasa. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa gaya bahasa figuratif amat penting untuk dipelajari. Bagi pembaca, kajian ini dapat membina pemahaman para pembaca terhadap makna bahasa figuratif dengan lebih jitu, selain daripada mengetahui jenis-jenis bahasa figuratif serta mengetahui perkembangan pemakaian bahasa yang digunakan dalam cerpen. Bukan itu sahaja, kajian ini diharap dapat memberikan pemangkin kepada para pengarang untuk menggunakan bahasa figuratif dalam penulisan mereka. Bagi penelitian lain pula, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan dan insentif kepada pengkaji lain untuk mengembangkan kajian mengenai penggunaan bahasa figuratif sama ada dalam cerpen yang lain mahupun dalam pelbagai karya sastra.

### Rujukan

- A Little of Science: Personifikasi*. (2011). Diakses pada Februari 17, 2017, daripada [boy-gamsel-sevenfold.blogspot.my/2011/07/personifikasi.html?m=1](http://boy-gamsel-sevenfold.blogspot.my/2011/07/personifikasi.html?m=1).
- Arba'ie Sujud. (2016). Bahasa Sastra. *Nota Kuliah: BBM3103 Bahasa dalam Kesusasteraan Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Ariff Mohamad. (2016). Makna siratan dalam Novel Politik Melayu Terpilih: Analisis Berdasarkan Gagasan Kritikan Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis. (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, 5(1): 60-78.
- BH Online*. (2014, Disember 16). Sumbangan Sasterawan Cina, India. Diakses pada Januari 6, 2017, daripada <https://www.bh.com.my>



- booble.com/amp/s/www/bharian.com.my/node/23456/amp.
- Erry Pranawa. (2012). Bahasa Figuratif dalam Novel Burung-burung Manyar Karya Y.B. Mangunwijaya. *Prosiding: Seminar Nasional Pembelajaran Drama Jawa Di Sekolah, Artikel*. Diakses pada Januari 24, 2017, daripada <http://journal.unwidha.ac.id/index.php/proceeding/article/view/325/274>.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawkes, Terence. (1972). *Metaphor*. London: Methuen.
- Inieke Kusuma Putri. (2013). Analisis Gaya Bahasa Hiperbola dan Personifikasi Pada Novel Negeri 5 Menara Karya Ahmad Faudi. *Artikel Jurnal Publikasi sebagai Prasyarat S1*. Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Joanna Lwi. (2004). Penggunaan Metafora dalam Bahasa Iklan Cetak: Satu Kajian Semantik. *Ijazah Sarjana Linguistik*. Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. *University Teknologi Malaysia Institutional Repository*. Diakses pada Januari 16, 2017, daripada [http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012\\_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf](http://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf).
- Keraf, Gorys. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Lim Swee Tin. (2011). *Di Tengah Arus & Cerita-cerita Lain*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak "Pelacur": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 113-142.
- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14(1): 28-44.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori Relevans dalam Personifikasi. (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi, peny.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*, ms.207-223. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof. (1999, Januari). Makna Bukan Literal: Kes Metafora dan Hiperbola. *Jurnal Bahasa*, 4-10.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd Saleeh Rahamad. (1996). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu UM.
- Nilsen, Don L. F. & Nilsen, Allen Pace. (1978). *Language Play: An Introduction to Linguistics*. Massachusetts: Newbury House Publisher.
- Noah Goodman. (2014). *Figurative Language*. Diakses pada Januari 17, 2017., daripada <http://news.stanford.edu/newe/2014/august/language-figurative-goodman-0806.html>.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Afifah Adilah Mohd Salleh & Normaliza Abd Rahim. (2017, Mac). Didakti dalam Teks Pengubahsuaian Bajet 2016. *Journal of Business and Social Development*, 5(1): 112-122.
- Siti Faridah Omar & Fadilah Isnin. (2017). Penggunaan Bahasa Figuratif dalam Penulisan Karangan Naratif Murid Sekolah Rendah. *Dian Bahasa*. Diakses pada Januari 16, 2017, daripada [http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qq1/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Dian%20Bahasa/Dian\\_Bahasa\\_5.pdf](http://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/qq1/slot/u181/Khazanah%20Ilmu/Dian%20Bahasa/Dian_Bahasa_5.pdf).
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal*

- of Business and Social Development*, 5(1): 88-101.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevans Komunikasi & Kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukarni. (2012). Analisis Bahasa Figuratif dalam Novel Sang Pemimpi Karya Angrea Hirata sebagai Alternatif Materi Pembelajaran Analisis Gaya Bahasa. *Tesis S1*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Suwardi Endraswara. (2003). *Metodologi Penelitian Sastera*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama.
- Syamsidah Saad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic (IJLEAL)*, 1: 65-75.
- Tenas Effendy. (2008). Kearifan Orang Melayu Berbahasa. *Syarahana Raja Ali Haji 2008*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vijaya Letchumy. (2006). Gaya Bahasa dalam Novel. *Pelita Bahasa*, 18(6): 35-37.
- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1): 39-63.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). Faktor-Faktor Perubahan Makna. *Nota Kuliah: BBM3206 Semantik*. Universiti Putra Malaysia.
- Zurinah Hassan. (2011). Bahasa Figuratif Pemanis Bicara. *Jurnal Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.